3755/2
PERDAGANGAN
KERTAS 2
NOVEMBER
2000
2 JAM

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
*DENGAN KERJASAMA*
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

# PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2000

TINGKATAN EMPAT

# PERDAGANGAN

## KERTAS 2

**Dua jam**

## JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi enam soalan.*
2. *Jawab **mana-mana empat** soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

 © 2000 Hak Cipta PKPSM Cawangan Terengganu



Skema jawapan : www.banksoalanspm.com

Skema jawapan : www.banksoalanspm.com



Jawab mana -mana empat soalan .

1. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pengeluaran ? [3 markah ]

   (b) Terangkan cabang-cabang pengeluaran yang anda ketahui ? [10 markah ]

   (c ) Terdapat beberapa bentuk pengkhususan yang diamalkan pada masa sekarang. Jelaskan apakah faktor-faktor yang membawa kepada pengkhususan dalam aktiviti pengeluaran.
   [12 markah ]

2. (a) Mengapakah peruncit kecil-kecilan lebih suka mendapatkan bekalan mereka daripada pemborong dan tidak secara terus daripada pengeluar ? [15 markah ]

   (b) Terangkan bagaimana
   i ) Pengeluar
   ii) Peruncit
   telah cuba menyingkirkan pemborong. [6 markah ]

   (c ) Apakah yang dimaksudkan dengan
   i) Pemborong Berfungsi Penuh
   ii) Pemborong Berfungsi Terhad [4 markah ]

3. (a ) Terangkan perbezaan di antara Pekongsi Biasa dengan Pekongsi Berhad. [6 markah]

   (b ) Nyatakan kebaikan-kebaikan yang diperolehi apabila menjalankan perniagaan secara Syarikat Awam Berhad.
   [10 markah ]

   (c ) Huraikan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan apabila memilih media pengiklanan.
   [9 markah ]

4. (a) Dengan bantuan rajah, jelaskan perbezaan-perbezaan antara palangan am dengan palangan khas yang boleh dilakukan ke atas sesuatu cek. [7 markah ]

   (b) Nyatakan dan terangkan pihak-pihak yang terlibat apabila sesuatu cek dikeluarkan
   [6 markah ]

   (c ) Bank Pusat ditubuhkan dengan tujuan melaksanakan dasar-dasar kewangan kerajaan dan mengawasi perjalanan bank-bank perdagangan. Terangkan peranan yang dimainkan oleh Bank Pusat untuk mencapai tujuan tersebut.
   [12 markah ]

INVOIS No. 2604

SYARIKAT PEMBEKAL AMIR SDN. BHD.
No. 7, Taman Desa Wakaf Baru
21300 Gong Badak
Kuala Terengganu
TEL. : 09-6672148

Di jual kepada : Kedai Runcit ANIS
1618 Jalan Panji Alam
Kuala Terengganu

Tarikh : 18hb. SEPT. 2000

No. Pesanan Tuan : 35/2000

| No.Rujukan | Butir-Butir | Kuantiti | Harga Sepeti | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| AJ 1 | Ikan Sardin Cap Ayam | 4 peti 3 doz, tin | RM 28 | RM 112 |
| IT | Ikan Sardin Cap Ikan | 4 peti 3 doz, tin | RM 26 | RM 104 |
| TM | Ikan Sardin Cap Tomato | 4 peti 2 doz, tin | RM 16 | RM 96 |
| | Jumlah kasar | | | RM 312 |
| | TOLAK : Diskaun Niaga | | | RM46. 8 |
| | Jumlah Bersih | | | RM 265. 20 |

Syarat : Dengan lori, Ang. Dib.
5% 7 hari
2% 30 hari

K & K Di K

.........................
(Md. Amir Nasrullah)
Pengurus

5. (a) Berdasarkan Invois pada lampiran 1, jawab soalan-soalan berikut.

(i) Apakah yang dimaksudkan dengan K & K di K dan terangkan bagaimana pembekal memenuhi syarat ini.

[7 markah]

(ii) Kirakan peratus diskaun niaga yang diberikan kepada kedai runcit Anis.

[2 markah]

(iii) Kirakan berapakah diskaun tunai yang akan diterima oleh Kedai Runcit Anis dan jumlah bayaran yang sepatutnya dijelaskan kepada syarikat pembekal Amir Sdn. Bhd. Jika pembayaran dibuat pada tarikh-tarikh berikut;

a. 24 hb. September 2000
b. 10 hb. Oktober 2000

[8 markah]

(b) Salah satu daripada dua perkara penting yang harus ditekankan di dalam penyediaan strategi pemasaran ialah campuran pemasaran. Huraikan apakah yang anda faham tentang campuran pemasaran.

[8 markah]



Skema jawapan : www.banksoalanspm.com

6. Encik Mohammad adalah seorang pengusaha stesen minyak. Stesen minyaknya terletak di tepi jalan Batu 16 Kuala Berang. Tidak ada stesen minyak yang lain untuk jarak lebih 50 km dari stesen minyaknya. Hasil yang diperolehinya adalah sangat memuaskan. Jumlah hasilnya kadang-kadang boleh mencapai RM200,000 sebulan dan keuntungan bersihnya secara purata adalah dalam lingkungan RM25,000 Sebulan selepas dibayar gaji dan upah pekerjanya seramai 8 orang.

Baru-baru ini sebuah stesen minyak lagi telah didirikan lebih kurang 10 km dari stesen minyaknya. Selain menjual minyak, stesen minyak baru ini juga menjalankan kerja-kerja menservis dan membaiki kereta akibat. Akibatnya, jumlah kenderaan yang mengunjungi stesen minyak Encik Mohammad telah berkurangan. Di samping itu, hasil jualanya juga telah jauh merosot ke paras RM 80,000 sebulan dan tahap keuntungan pula jatuh ke paras purata RM4,000 sebulan. Dia bercadang untuk menjual stesen minyaknya kepada rakannya yang sanggup mengambilalih perniagaan tersebut.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan yang berikut.

(a) Sebagai seorang pengusaha stesen minyak, nyatakan lima jenis insurans yang perlu diambil oleh Encik Mohammad.

[15 markah ]

(b) Encik Mohammad tidak boleh mengambil insurans untuk melindungi risiko kemerosotan perniagaan . Mengapa?

[5 markah ]

(c) Terangkan apa yang dimaksudkan dengan risiko yang boleh diinsuranskan.

[5 markah ]

KERTAS SOALAN TAMAT



Skema jawapan : www.banksoalanspm.com